

28 MAR 1996

Pemuda

PEMUDA UMNO KESAL TINDAKAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN KEDAH

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia kesal akan tindakan 22 anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dari UMNO yang menandatangani memorandum terbuka berhubung isu Menteri Besar Kedah.

"Kami meminta mereka memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO di atas keterlanjuran itu," kata Ketua Pemuda Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Biro Politik Pergerakan Pemuda UMNO di sini malam ini.

Mesyuarat lebih sejam itu turut dihadiri timbalan ketua Datuk Nazri Aziz, setiausaha Haji Arzmi Hamid, bendahari Zahari Wahab dan tiga ahli jawatankuasa Datuk Mohd Al-Amin, Datuk Fatmi Salleh dan Encik Ruslan Kassim.

Menurut Rahim, tindakan 22 anggota dewan undangan negeri itu mencabar dan mempertikaikan kuasa Presiden parti dalam menentukan perlantikan menteri besar.

"Kewibawaan dan institusi Presiden secara tradisi adalah hak dan kuasanya dalam perkara perlantikan menteri besar, dan hak serta kuasa ini tidak boleh dengan apa cara sekalipun diganggu-gugat oleh mana-mana pihak," katanya.

Rahim berkata tindakan mereka yang mendahului keputusan Perdana Menteri secara langsung merupakan tindakan tidak menghormati beliau sebagai Presiden parti dan cubaan untuk menghadkan hak dan kuasa Perdana Menteri.

"Sehubungan itu, Pergerakan Pemuda mengutuk sekeras-kerasnya tindakan kurang sopan 22 anggota Dewan Undangan Negeri Kedah itu dan meminta mereka memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri dan kembali ke saluran perbincangan untuk menyelesaikan isu tersebut," katanya.

Rahim berkata Pergerakan Pemuda menyokong apa sahaja keputusan Perdana Menteri mengenai kedudukan Menteri Besar Kedah dan memberi amaran jangan ada mana-mana pihak cuba mengganggu-gugatnya.

Pada mesyuarat itu, Pergerakan Pemuda mengambil ketetapan mengucapkan syabas dan tahniah kepada lapan anggota Parlimen UMNO dari Kedah atas pendirian mereka memahami kedudukan tatatertib dan tatasusila hirarki parti.

Kata Rahim, sikap mereka menyerahkan mandat kepada Perdana Menteri berhubung kedudukan Menteri Besar Kedah patut dipuji. -- BERNAMA

ZAB FAZ